

13 November, 2008 18:42 PM

Pengamal Perubatan Wajib Masuk Nama Penuh Dan Nombor Pendaftaran Mulai 1 Jan 2009

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Berkuat kuasa 1 Jan depan, semua pengamal perubatan yang berdaftar di bawah **Akta Perubatan 1971** diwajibkan menggunakan nama penuh serta nombor pendaftaran di dalam semua urusan rasmi termasuk dalam cop serta kad nama, kata *Yang Dipertua Majlis Perubatan Malaysia (MPM) Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican* hari ini.

Beliau berkata MPM yang bersidang pada **10 September 2009** lepas mewajibkan perkara itu bagi membendung gejala penipuan dan penyalahgunaan gelaran 'doktor' atau singkatan 'Dr' yang kini semakin berleluasa.

Katanya MPM dan Kementerian Kesihatan sering kali menerima pertanyaan daripada pelbagai pihak berkaitan kesahihan sijil cuti sakit dan laporan perubatan serta pendaftaran pengamal perubatan.

Namun begitu, katanya ekoran ketiadaan nama penuh serta maklumat lain individu berkenaan, pengesahan tidak dapat dijalankan dan ini menjejaskan imej dan kredibiliti MPM selain menyulitkan pemohon mendapatkan maklumat tersebut.

"Penyamaran dan penipuan ini juga mendatangkan pelbagai implikasi negatif termasuk menggugat kewibawaan pengamal perubatan berdaftar, menjejaskan kualiti penjagaan kesihatan orang ramai dan seterusnya memberi impak tidak baik kepada industri pelancongan kesihatan serta ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata bagi pengamal perubatan yang berdaftar sementara di bawah **Seksyen 16 Akta Perubatan 1971**, mereka boleh menggunakan nombor Perakuan Amalan Sementara serta nama penuh.

Katanya bagi pengamal perubatan yang belum berdaftar penuh, mereka boleh menggunakan nombor Perakuan Pendaftaran Sementara semasa menjalani latihan siswazah dan nama penuh.

Dr Mohd Ismail berkata untuk tujuan pengesahan nama penuh dan nombor pendaftaran seseorang pengamal perubatan, orang ramai boleh menyemak di laman web MPM di alamat <http://mmc.gov.my/> dan melayari bahagian '*Medical Register*'.

Beliau berharap pendekatan sebegini akan dapat mengurangkan gejala penyamaran dan penipuan oleh individu yang tidak berkelayakan dan tidak bertanggungjawab untuk menggunakan gelaran 'Dr' bagi menjalankan pelbagai aktiviti licik.

-- BERNAMA